

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PELADANG SETIU AGROTOURISM & RESORT SDN. BHD
(PSAR SDN. BHD) SETIU, TERENGGANU

OLEH

ZAIFAH BINTI HASMM
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2006

0/3443

i100045608

LI 70 FPE 2 2006



1100045608

Laporan akhir latihan industri di Peladang Setiu Agrotourism & Resort Sdn.Bhd (PSAR SDN.BHD) Setiu, Terengganu / Zaihaf Hashim.

**PERPUSTAKAAN**

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

| | |
|-------------------|--|
| 1100045608 | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PELADANG
SETIU AGROTOURISM & RESORT SDN. BHD (PSAR
SDN. BHD) SETIU, TERENGGANU**

Oleh:

ZAIFAH BINTI HASHIM
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2006

1100045608



LAPORAN LATIHAN INDUSTRI
PELADANG SETIU AGROTOURISM & RESORT SDN. BHD

APPENDIX E

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya Zaifah binti Hashim (UK 9633) mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



Nama: Zaifah Binti Hashim

Tarikh : 6 NOVEMBER 2006

Disahkan oleh:



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE)

KUSTEM

DR. AHMAD BAZLI SHAFIE

Pensyarah
Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)



LAPORAN LATIHAN INDUSTRI
PELADANG SETIU AGROTOURISM & RESORT SDN. BHD

PENGHARGAAN

Pelatih mengucapkan syukur kehadrat llahi kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya dapatlah pelatih menyiapkan hasil laporan industri ini dengan jayanya. Pelatih ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beberapa pihak dan individu atas sumbangaan terhadap penulisan laporan Latihan Industri ini.

Pada kesempatan ini, penulis merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Ahmad Bazli bin Shafie selaku pensyarah dan penyelia Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Dalam usaha menyiapkan laporan Latihan Industri ini, beliau telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan panduan serta teguran yang membina kepada pelatih.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih pelatih juga terhadap Syarikat Peladang Setiu Agrotourism & Resort Sdn. Bhd (PSAR SDN. BHD), terutama sekali khas buat Puan Ashazana binti Abdul Rahman selaku Pengurus Sumber Manusia dan Puan Rosnah binti salami selaku Eksekutif Pentadbiran. Kedua-duanya merupakan penyelia industri pelatih di PSAR SDN.BHD.



Penghargaan khas penulis adalah buat ahli keluarga terutama emak dan ayah yang sering memberi sokongan serta mendoakan kejayaan pelatih. Insya-Allah, harapan mereka untuk melihat kejayaan pelatih, tidak akan pelatih sia-siakan.

Ucapan penghargaan ini juga penulis tujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan laporan ini. Akhir sekali penulis berharap dengan adanya buku laporan ini sedikit sebanyak dapat membantu pelatih sebagai satu sumber rujukan yang amat berguna pada masa akan datang.

Sekian,

Yang benar.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Zaifah binti Hashim'. It is written in a cursive style with a horizontal dotted line underneath it.

Zaifah binti Hashim,

Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial),

Semester Julai 2006/07



LAPORAN LATIHAN INDUSTRI
PELADANG SETIU AGROTOURISM & RESORT SDN. BHD

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri (SOS 4299) merupakan kursus wajib yang diambil oleh pelatih sebagai memenuhi keperluan kursus pelajar Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) bagi Program Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial), khasnya bagi pelajar tahun 3 sesi Julai 2006/2007. Latihan Industri ini diadakan selama 12 minggu bermula dari 17 April hingga 9 Julai 2006 bertempat di Peladang Setiu Agrotourism & Resort Sdn. Bhd (PSAR SDN. BHD) khususnya di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran. Menerusi Latihan Industri pelatih dapat mempraktikkan dan mengaplikasikan teori, prinsip, teknik, kaedah penilaian dan pemantauan serta mengimplementasikan polisi awam yang berkaitan dengan sekitaran. Dengan ini ia dapat melahirkan pelatih sebagai pengurus polisi awam, pegawai takbir, ahli akademik, pegawai penyelidik hingga kepada majikan atau ahli korporat yang professional, berpandangan jauh dan mempunyai nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Kebaikan dalam Latihan Industri juga telah mendedahkan kepada pelatih tentang permasalahan yang sering menjadi penghalang kepada sesebuah organisasi seperti syarikat sendirian berhad khususnya. Pelatih turut terdedah dengan pengurusan aktiviti dalaman dan luaran yang mana telah menyedarkan pelatih bahawa sistem sedia ada bagi sesebuah organisasi tidak semestinya menjamin kecermelangan kualiti perkhidmatan yang berterusan. Memandangkan ianya sering mengalami perubahan dan proses penambahbaikan, maka inisiatif lain perlulah dirancang secara bijak agar segala permasalahan dapat diatasi dengan pantas dan meninggalkan implikasi yang positif dan menguntungkan semua pihak.